



Headline	TNB tidak perlu tekan butang panik		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	01 May 2013	Color	Full Color
Section	Sukan	Circulation	197,952
Page No	47	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	213 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,210
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,629



TNB tidak perlu tekan butang panik

KUALA LUMPUR - Kecederaan penyerang utama Tenaga Nasional Berhad (TNB), Faizal Saari menjelang saingan suku akhir pertama Piala TNB hari ini masih belum mendesak kelab itu untuk menekan 'butang panik' sungguhpun mengakui pemain berkenaan penting buat mereka.

Jurulatih TNB, Nor Azlan Bakar berkata, dia kini masih

menunggu keputusan daripada kumpulan perubatan pasukan berhubung status Faizal sama ada dapat diturunkan menentang Terengganu HT di Stadium Hoki Nasional Bukit Jalil, hari ini.

Tambah Azlan, seandainya Faizal yang mengalami kecederaan lutut kiri semasa perlawanan Liga Hoki Malaysia (TNB-MHL), Ahad lepas tidak dapat diturunkan, maka dia akan digantikan dengan pemain muda, Muham-

mad Shahril Saabah.

"Buat masa ini status Faizal masih lagi 50-50 dan kita akan tunggu hingga petang esok (hari ini).

"Bagi saya kami masih mampu untuk mengatasi situasi ini terutama ketika pasukan bakal berhadapan saingan suku akhir pertama Piala TNB yang kami anggap amat penting," katanya pada sidang akhbar pengenalan pasukan Piala TNB 2013 di sini, semalam.

Pasukan TNB adalah pasukan yang paling banyak menjulang kejuaraan Piala TNB atau Juara Keseluruhan sejak diperkenalkan pada 1987 apabila meraih tujuh gelaran termasuk ketika menggunakan nama Kelab Kilat.

Tahun lalu, Piala TNB milik Kelab Hoki Kuala Lumpur (KLHC) yang ketika ini telah meraih gelaran sebanyak tiga kali termasuk tahun 2008 dan 2011.



(DARI kiri) jurulatih-jurulatih UniKL, Arul Selvaraj; Sapura, Tai Beng Hai; Maybank, Wallace Tan dan TNB, Norazlan Bakar memegang Piala TNB 2013 yang menjadi rebutan di Bukit Jalil, semalam.